# PEMBAIKAN ALAT BANTUAN PELAYARAN

# PT-BKP-04

**Rekod Pindaan.**

| Pindaan | Tarikh | Huraian Pindaan |
|---|---|---|
| - | 01/07/2009 | Keluaran baru berdasarkan kepada MS ISO 9001:2008 |

**Carta Alir**
**Pembaikan Alat Bantuan Pelayaran**



## 1. OBJEKTIF.

Mempastikan ketersediaan alat bantuan pelayaran di perairan Semenanjung Malaysia mencapai ketahap peratusan mengikut didalam Piagam Pelanggan Jabatan iaitu;

Kategori 1 – Rumah api : 99 %
Kategori 2 – Tanda Arah Suar : 98 %
Kategori 3 – Pelampung Pandu Berlampu : 97 %

## 2. SKOP.

2.1 Tata cara ini dipakai bagi mengurus tindakan baik pulih alat bantuan pelayaran yang merangkumi rumah api, tanda arah suar dan pelampung pandu berlampu. Proses kerja yang terlibat didalam tata cara ini ialah menerima aduan kerosakan, melaksanakan baik pulih dan mengemas kini serta menyimpan rekod kerja.

2.2 Tata cara ini diguna pakai di Bahagian Keselamatan Pelayaran, Ibu Pejabat, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Pelabuhan Kelang bagi kawasan kawalan yang dinyatakan dibawah ini;

| | |
|---|---|
| Rumah api | Seluruh Semenanjung. |
| Tanda arah Suar | Wilayah Tengah |
| Pelampung Pandu | Wilayah Tengah |

## 3. RUJUKAN.

*3.1 IALA Aids To Navigation Guide (NavGuide).*

3.2 *IALA Maritime Buoyage System.*

3.3 Senarai Penempatan Alat Bantuan Pelayaran.

## 4. DEFINASI/SINGKATAN.

4.1 **IALA** - *International Association of Marine Aids to Navigation & Lighthouse Authorities.*

4.2 **JG** - Jurugegas.

4.3 **JTE** - Juruteknik Elektrik.

4.4 **JTEK** - Juruteknik Elektrik Kapal.

4.5 **KPP** - Ketua Penolong Pengarah.

4.6 **PB** - Pengarah Bahagian.

4.7 **PP** - Penolong Pengarah.

4.8 **PT** - Pembantu Tadbir.

4.9 **PTE** - Pembantu Teknik Elektrik.

## 5. JAWATAN DAN TUGASAN.

| Jawatan | Tugasan |
|---|---|
| **JG** | - membaik pulih kerosakan alat bantuan pelayaran dan mengemaskini rekod di Pengkalan Data. |
| **JTE** | - membaik pulih kerosakan alat bantuan pelayaran. |
| **JTEK** | - membaik pulih kerosakan alat bantuan pelayaran. |
| **NAKHODA** | - menyediakan perkhidmatanpengangkutan kapal jika perlu. |
| **PP** | - mengurus penghebahan maklumat tentang keadaan sedia ada keselamatan pelayaran. |
| **PTE** | - mengurus tindakan baik pulih kerosakan alat bantuan pelayaran. |
| **PT** | - menyimpan dan menyelenggara rekod. |

## 6. PROSEDUR.

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| | **6.1 Menerima Laporan Aduan Kerosakan.** |
| | **Bagi Laporan Rasmi.** |
| **KPP** | 6.1.1 Terima laporan rasmi dari **PB** dan serahkan kepada **PT**. |
| **PT** | 6.1.2 Rekodkan aduan kedalam Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran **(Lampiran 1)** dan kepilkan sekali salinan fotostat surat aduan berkenaan. |
| **PT** | 6.1.3 Rekodkan juga aduan kedalam Buku Daftar Aduan Kerosakan **(Lampiran 2)** dan pastikan nombor aduan telah direkodkan pada Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran. |
| **PT** | 6.1.4 Serahkan Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran **(Lampiran 1)** kepada **PTE** untuk tindakan baik pulih. |
| | **Bagi Laporan Lisan/Secara Telefon.** |
| **PT** | 6.1.5 Rekodkan aduan kedalam Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran **(Lampiran 1)** dan di Buku Daftar Aduan Kerosakan **(Lampiran 2)**. Pastikan nombor aduan telah direkodkan pada Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran **(Lampiran 1)**. |
| **PT** | 6.1.6 Serahkan Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran **(Lampiran 1)** kepada **PTE** untuk tindakan baik pulih. |
| | **6.2 Melaksanakan Baik Pulih.** |
| **PTE** | 6.2.1 Agihkan tugas memperbaiki kerosakan kepada Petugas yang dinyatakan didalam |

| | |
|---|---|
| | Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan dengan mengambil kira ciri-ciri berikut;<br><br>i) jenis alat bantuan yang rosak.<br>ii) tahap kerosakan yang dialami.<br>iii) kawasan penempatan. |
| **NAKHODA** | 6.2.2 Pohon kepada Penyenggara Setor bagi pengeluaran alat ganti lampu dan penambat pelampung mengikut prosedur PS-BKhP-02 (Prosedur Sokongan Bagi Penyimpanan Barang, Kawalan Setor dan Pengeluaran). |
| **NAKHODA/ JTEK/PTE/JTE/ JG** | 6.2.3 Laksanakan baik pulih alat bantuan pelayaran berpandukan arahan kerja dibawah ini mengikut jenis kerosakan; |
| **NAKHODA/ JTEK** | i) Pelampung Beralih **(Lampiran 3).** |
| **NAKHODA/ JTEK** | ii) Pelampung Tiada Di Penempatan **(Lampiran 4).** |
| **NAKHODA/ JTEK** | iii) Lampu Pandu Pelampung Padam **(Lampiran 5).** |
| **PTE/JTE/JG** | iv) Lampu Pandu Tanda Arah Suar Padam **(Lampiran 6).** |
| **PTE/JTE/JG** | v) Lampu Rumah Api Padam **(Lampiran 7 ).** |
| **NAKHODA/ JTEK/PTE** | vi) Tanda Arah Suar Tumbang/ Dilanggar **(Lampiran 8).** |
| **NAKHODA/ JTEK/PTE/JTE/ JG** | 6.2.4 Rekodkan keputusan tindakan pembaikan di dalam Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran **(Lampiran 1)** dan serahkan borang ini kepada **PP**. |
| **PP** | 6.2.5 Maklumkan semula kepada Pengadu yang membuat aduan kerosakan secara resmi mengenai alat bantuan pelayaran |

| | |
|---|---|
| | yang telah dibaik pulih. Serahkan Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran **(Lampiran 1)** kepada **PT** untuk difailkan. |
| **PP** | 6.2.6 Sekiranya terdapat perubahan keadaan sedia ada pada alat bantuan pelayaran yang dibaik pulih, penghebahannya melalui Notis Pelayar perlu dibuat mengikut prosedur tunjang PT-BKP-03 (Pengeluaran Notis Pelayar). |
| **NAKHODA/ JTEK/PTE/JTE/ JG** | 6.2.7 Rekodkan kerja pembaikan dengan mencatitkan punca kerosakan, tindakan baik pulih yang telah diambil dan butiran peralatan semasa di dalam penyata di bawah ini. Serahkan penyata laporan ini kepada **PTE**;<br><br>i) Penyata Laporan Kerja Tanda Arah Suar **(Lampiran 9).**<br><br>ii) Penyata Laporan Kerja Pelampung Pandu Berlampu **(Lampiran 10).**<br><br>iii) Penyata Laporan Kerja Rumah Api **(Lampiran 11)**. |
| | **6.3 Mengemas Kini & Menyimpan Rekod.** |
| **JTE** | 6.3.1 kemas kini rekod Pengkalan Data Alat Bantuan Pelayaran di komputer menurut Penyata Laporan Kerja dan kemudian cetak laporannya. Serahkan kedua-dua laporan ini kepada **PT** untuk difailkan. |
| **PTE** | 6.3.2 Semak dan cetak Senarai Penempatan Pelampung & Tanda Arah dari rekod Pengkalan Data Alat Bantuan Pelayaran dikomputer pada setiap awal bulan. |
| **PP** | 6.3.3 Edarkan Senarai Penempatan Alat Bantuan Pelayaran yang terkini kepada pejabat Wilayah. |

| PT | 6.3.4 Simpan rekod berikut didalam fail berkaitan:<br><br>i) Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran.<br>ii) Penyata Laporan Kerja Tanda Arah Suar.<br>iii) Penyata Laporan Kerja Pelampung Pandu.<br>iv) Penyata Laporan Kerja Rumah Api.<br>v) Senarai Penempatan Alat Bantuan Pelayaran. |
|---|---|

## 7. REKOD.

| Bil. | Rekod | Tempoh Penyimpanan (Tahun) |
|---|---|---|
| 1. | Fail Tanda Arah Suar mengikut nama penempatan (IPL/BKP/TAS/(nombor). | Bahagian Keselamatan Pelayaran/ 5 tahun |
| 2. | Fail Pelampung Pandu mengikut nama penempatan (IPL/BKP/PEL/(nombor). | Bahagian Keselamatan Pelayaran/5 tahun |
| 3. | Fail Rumah Api mengikut nama penempatan (IPL/BKP/RUM/(nombor). | Bahagian Keselamatan Pelayaran/5 tahun |
| 4. | Fail Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran (IPL/BKP/TAD/104). | Bahagian Keselamatan Pelayaran/5 tahun |
| 5. | Fail Senarai Penempatan Alat Bantuan Pelayaran (IPL/BKP/TEK/098). | Bahagian Keselamatan Pelayaran/5 tahun |
| 6. | Buku Daftar Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran | Bahagian Keselamatan Pelayaran/5 tahun |

## 8. LAMPIRAN.

8.1 Lampiran 1 - Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran.

8.2 Lampiran 2 - Buku Daftar Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran.

8.3 Lampiran 3 - Arahan Kerja bagi Pelampung Beralih.

8.4 Lampiran 4 - Arahan Kerja bagi Pelampung Tiada Di Penempatan.

8.5 Lampiran 5 - Arahan Kerja bagi Lampu Pandu Pelampung Padam.

8.6 Lampiran 6 - Arahan Kerja bagi Lampu Pandu Tanda Arah Suar Padam.

8.7 Lampiran 7 - Arahan kerja bagi Lampu Rumah Api Padam.

8.8 Lampiran 8 - Arahan kerja bagi Tanda Arah Suar Tumbang/ Dilanggar.

8.9 Lampiran 9 - Penyata Laporan Kerja Tanda Arah Suar.

8.10 Lampiran 10 - Penyata Laporan Kerja Pelampung Pandu Berlampu.

8.11 Lampiran 11 - Penyata Laporan Kerja Rumah Api.

**LAMPIRAN 1**

| | | |
|---|---|---|
| **JLSM ISO 9001** | **Jabatan Laut Semenanjung, Malaysia**<br>**Bahagian Keselamatan Pelayaran** | **BORANG BKP/ISO/01** |
| | **Borang Aduan Kerosakan Alat Bantuan Pelayaran** | |

**A. SUMBER ADUAN**

☐ surat (sila kepilkan salinan surat aduan ) ☐ Lisan ( Nama Pengadu :
( No. Telefon :
( Jabatan/ Pertubuhan :

**B. BUTIRAN ADUAN**

Jenis Alat Bantuan : Rumah Api ☐ Tanda Arah ☐ Pelampung ☐

Nama Penempatan : ________________

Jenis Kerosakan : ________________________________________

No. Aduan ( mengikut Buku Daftar Aduan Kerosakan) : ☐

Tarikh :

- Serahkan kpd. PTE untuk tindakan.

________________________
( tanda tangan & cop nama)
**PEMBANTU TADBIR ( PT )**

**C. AGIHAN TINDAKAN**

☐ NAKHODA ..................
( nyatakan nama kapal )

☐ PEMB. TEKNIK ELEKTRIK.

☐ JURUTEKNIK ELEKTRIK.

☐ JURUGEGAS

- Sila ambil tindakan baik pulih.

Tarikh :

________________________
(tanda tangan & cop nama )
**PEMBANTU TEKNIK ELEKTRIK (PTE)**

**D. KEPUTUSAN TINDAKAN**

Ulasan
Hasil
Tindakan :

Tarikh Siap :

- Sila rekodkan keputusan kerja didalam Buku Daftar Aduan Kerosakan ( **PP** hendaklah memasukkan butiran ini bagi pihak **NAKHODA**)

________________________
t/tangan & cop nama
**NAKHODA / PTE /JTE / JG**

**E. MAKLUM BALAS KEPADA PENGADU**

- Maklum balas jika perlu kepada Jabatan / Pengadu melalui surat resmi no. rujukuan

  (        ) dlm. IPL/BKP/ ………      bertarikh ……………..

- Serahkan borang ini kepada Pembantu Tadbir (PT) untuk difailkan kedalam IPL/BKP/TAD/104.

Tarikh :

________________________
T/Tangan & cop nama
**PENOLONG PENGARAH ( PP )**

**LAMPIRAN 2**

**BUKU DAFTAR ADUAN KEROSAKAN ALAT BANTUAN PELAYARAN**

**BULAN :**
**TAHUN :**

| (1) No. Aduan | (2) Tarikh Aduan | (3) Jenis Alat Bantuan [1] | (4) Nama Penempatan | (5) Perihal Aduan | (6) Pegawai Bertugas | (7) Punca Kerosakan & Tindakan Pembetulan | (8) Tarikh Siap | (9) Tanda Tangan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **01/01/09** bil./ bulan/tahun | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |

**PERHATIAN**

**Jenis Alat Bantuan [1]:** **PEL >** Pelampung Pandu **TAS >** Tanda Arah Suar **RUM >** Rumah Api

ruangan 2 hingga 5 hendaklah diisikan oleh PT

ruangan 6 hingga 9 hendaklah diisikan oleh PP/PTE/JTE/JG

**LAMPIRAN 3**
**(1 helai)**

# ARAHAN KERJA BAGI PELAMPUNG BERALIH

| ISO 9001 | **Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**<br>**Bahagian Keselamatan Pelayaran** |
|---|---|
| | **Arahan Kerja Bagi Pelampung Pandu Beralih** |

**PERIHAL TUGAS**

- Angkat pelampung yang beralih naik kekapal
- Pastikan punca pelampung berkenaan beralih
- Periksa keadaan peralatan penambat secara keseluruhan dan tukarkan mana-mana bahagian yang rosak
- Uji perjalanan lampu pandu bagi memastikan ianya berfungsi mengikut tanda pandu yang telah ditetapkan.
- Catitkan butiran kerja didalam Penyata Laporan Kerja Pelampung Pandu.
- Labuhkan semula pelampung pandu dikedudukan asal mengikut senarai Penempatan Pelampung Pandu.

**CATITAN**

- Peralatan yang rosak telah ditukar ganti dibawa balik dan PERLU ditandakan sama ada untuk dibaik pulih oleh Kontraktor atau dilupuskan.

**LAMPIRAN 4**
**(1 helai)**

# ARAHAN KERJA BAGI PELAMPUNG TIADA DIPENEMPATAN

| ISO 9001 | Jabatan Laut Semenanjung Malaysia<br>Bahagian Keselamatan Pelayaran |
|---|---|
| | Arahan Kerja Bagi Pelampung Pandu  Tiada Di Penempatan |

## PERIHAL TUGAS

- Sediakan pelampung baik pulih, kelengkapan penambat  berserta lampu pandu dan pastikan semuanya berada diatas kapal.
- Pasangkan peralatan penambat dan lampu pandu pada pelampung.
- Uji perjalanan lampu pandu bagi memastikan ianya berfungsi mengikut tanda pandu yang telah ditetapkan mengikut senarai Penempatan Pelampung Pandu .
- Pastikan tanda pandu pelampung mengikut senarai Penempatan Pelampung Pandu .
- Catitkan butiran kerja didalam Penyata Laporan Kerja Pelampung Pandu
- Labuhkan pelampung pandu dikedudukan yang ditetapkan mengikut senarai Penempatan Pelampung Pandu.
- Ambil semula pelampung lama naik kekapal jika menemuinya.

## CATITAN

- Peralatan rosak yang telah ditukar ganti dibawa balik dan ditandakan sama ada untuk dibaik pulih oleh Kontraktor atau dilupuskan.

**LAMPIRAN 5**
**(1 helai)**

# ARAHAN KERJA BAGI LAMPU PANDU PELAMPUNG PADAM

| ISO 9001 | **Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**<br>**Bahagian Keselamatan Pelayaran** |
|---|---|
| | **Arahan Kerja Bagi Lampu Pandu Pelampung Padam** |

## PERIHAL TUGAS

- Periksa keadaan peralatan lampu pandu secara keseluruhan bagi memastikan punca kerosakan.
- Teliti dan baiki kerosakan yang telah dikenal pasti.
- Uji perjalanan lampu pandu bagi memastikan ianya berfungsi mengikut tanda pandu yang telah ditetapkan didalam senarai Penempatan Pelampung Pandu ..
- Uji operasi penukar mentol dan suis foto.
- Catitkan butiran kerja didalam Penyata Laporan Kerja Pelampung Pandu.
- Pastikan tanglong dan penutup kotak bateri ditutp rapat sebelum meninggal kawasan penempatan.

## <u>CATITAN</u>

- Peralatan rosak yang telah ditukarganti dibawa balik dan ditandakan sama ada untuk dibaik pulih oleh Kontraktor atau dilupuskan.

# LAMPIRAN 6
(1 helai)

# ARAHAN KERJA BAGI LAMPU PANDU TANDA ARAH SUAR PADAM

| | |
|---|---|
| ISO 9001 | **Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**<br>**Bahagian Keselamatan Pelayaran** |
| | **Arahan Kerja Bagi Lampu Pandu Tanda Arah Suar Padam** |

**PERIHAL TUGAS**

- Periksa keadaan peralatan lampu pandu secara keseluruhan bagi memastikan punca kerosakan.
- Teliti dan baiki kerosakan yang telah dikenal pasti.
- Uji perjalanan lampu pandu bagi memastikan ianya berfungsi mengikut sifat lampu yang telah ditetapkan didalam senarai Penempatan Tanda Arah Suar..
- Uji operasi penukar mentol dan suis foto.
- Catitkan butiran kerja didalam Penyata Laporan Kerja Tanda Arah Suar...
- Pastikan tanglong dan penutup kotak bateri ditutp rapat sebelum meninggal kawasan penempatan.

**CATITAN**

- Peralatan rosak yang telah diganti dibawa balik dan ditandakan sama ada untuk dibaik pulih oleh Kontraktor atau dilupuskan.

# LAMPIRAN 7
(1 helai)

# ARAHAN KERJA BAGI LAMPU PANDU RUMAH API PADAM

## Arahan Kerja Bagi Lampu Pandu Rumah Api Padam

### PERIHAL TUGAS

- Periksa keadaan peralatan lampu pandu secara keseluruhan bagi memastikan punca kerosakan
- Teliti dan baiki kerosakan yang telah dikenal pasti
- Uji perjalanan lampu pandu bagi memastikan ianya berfungsi mengikut sifat lampu yang telah ditetapkan didalam senarai Penempatan Rumah Api..
- Uji sistem lampu pandu keseluruhannya bagi memastikan ianya beroperasi menurut urutan yang betul iaitu lampu utama ⇨ lampu sedia tunggu ⇨ lampu kecemasan
- Uji perjalanan suis foto.
- Uji sama ada janakuasa sedia tunggu berfungsi
- Catitkan butiran kerja didalam Penyata Laporan Kerja Rumah Api

### CATITAN

- Peralatan rosak yang telah diganti dibawa balik dan ditandakan sama ada untuk dibaik pulih oleh Kontraktor atau dilupuskan.

# LAMPIRAN 8
(1 helai)

## ARAHAN KERJA BAGI TANDA ARAH SUAR TUMBANG/DILANGGAR

| | |
|---|---|
| ISO 9001 | **Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**<br>**Bahagian Keselamatan Pelayaran** |
| | **Arahan Kerja Bagi Tanda Arah Tumbang/Dilanggar** |

**PERIHAL TUGAS**

- Sediakan pelampung baik pulih, kelengkapan penambat berserta lampu pandu dan pastikan semuanya berada diatas kapal.
- Pasangkan peralatan penambat dan lampu pandu pada pelampung.
- Laraskan sifat lampu pandu mengikut tanda pandu yang telah ditetapkan oleh Nakhoda kapal PEDOMAN / PELITA.
- Uji operasi penukar mentol dan suis foto bagi memastikan ianya berjalan dengan baik.
- Labuhkan pelampung pandu dikedudukan berdekatan dengan tanda arah yang tumbang.
- Ambil semula peralatan lampu lama jika ada dari tanda arah suar yang tumbang.
- Catitkan butiran kerja didalam Penyata Laporan Kerja Pelampung Pandu.

**PERHATIAN**

- Peralatan rosak yang telah diganti dibawa balik dan ditandakan sama ada untuk dibaik pulih oleh Kontraktor atau dilupuskan.

# LAMPIRAN 9
**(1 helai)**

## PENYATA LAPORAN KERJA
## TANDA ARAH SUAR
(BORANG BKP/ISO/04)

**BORANG BKP/ISO/04**

**BAHAGIAN KESELAMATAN PELAYARAN**
**IBU PEJABAT LAUT**

## PENYATA LAPORAN KERJA TANDARAH SUAR

### A. PERIHAL PENEMPATAN & JENIS KERJA

Jenis Kerja : ☐ penempatan baru ☐ penyenggaraan ☐ baik pulih

Nama Penempatan : Tarikh :

Tanda Siang : Sifat Lampu : Kedudukan (jika penempatan baru) :

### B. BUTIRAN PERALATAN LAMPU

Tanglong (jenama & model) : No. Siri : LDA/LN

Kanta : No. Siri : LDA/LS

Pencahaya : No. Siri : LDA/FL

Penukar Mentol : No. Siri : LDA/LC

Mentol : volt amp. Watt Jumlah :

Bateri (jenama & model) : Kadaran : volt Ah

Jumlah Bateri : No. Siri : LDA/BY/ Tarikh Bekalan :

Fotovolta (jumlah, jenama & model) : watt ; No. Siri : LDA/SP/

### C. BACAAN

Voltan bateri (@ litar terbuka) : volt voltan fotovolta (@ litar terbuka) : 18.7 volt

### D. ULASAN OLEH PEGAWAI PELAKSANA

ULASAN :

TARIKH : T/TANGAN : NAMA & JAWATAN PEGAWAI PELAKSANA :

**LAMPIRAN 10**
**(1 helai)**

# PENYATA LAPORAN KERJA PELAMPUNG PANDU BERLAMPU (BORANG BKP / ISO / 03)

**BORANG BKP/ISO/03**

**BAHAGIAN KESELAMATAN PELAYARAN**
**IBU PEJABAT LAUT**

# PENYATA LAPORAN KERJA PELAMPUNG PANDU

## A. PERIHAL PENEMPATAN & JENIS KERJA

Jenis Kerja : ☐ penempatan baru ☐ penyenggaraan ☐ baik pulih

Nama Penempatan : Tarikh :

Tanda Pandu : Sifat Lampu : Kedudukan (jika penempatan baru) :

## B. BUTIRAN PERALATAN LAMPU

Tanglong (jenama & model) : No. Siri : LDA/LN

Kanta : No. Siri : LDA/LS

Pencahaya : No. Siri : LDA/FL

Penukar Mentol : No. Siri : LDA/LC

Mentol : volt amp. Watt Jumlah :

Bateri (jenama & model) : Kadaran : volt AH

Jumlah Bateri : No. Siri : LDA/BY/ Tarikh Bekalan :

Fotovolta (jumlah, jenama & model) : watt ; No. Siri : LDA/SP/

## C. BACAAN

Voltan bateri (@ litar terbuka) : volt voltan fotovolta (@ litar terbuka) : volt

## D. BUTIRAN PELAMPUNG

Tarikh Penyenggaraan Lepas :

No. Siri Pelampung Lama : Garispusat : meter

No. Siri Pelampung Baru : Garispusat : meter

## E. BUTIRAN PENAMBAT

Rantai Kekang (*bridle*) : (jumlah) x meter (panjang) x mm. (garis pusat)

Rantai Ekor *(pendent)* : (jumlah) x meter (panjang) x mm. (garis pusat)

Kili-kili (*swivel*) : (jumlah) x mm. (garis pusat)

Belenggu : (jumlah) x mm. (garis pusat)

Penenggelam : (jumlah) x Metrik Ton

## F. ULASAN OLEH PEGAWAI PELAKSANA

**ULASAN :**

**TARIKH :** **T/TANGAN :** **NAMA & JAWATAN PEGAWAI PELAKSANA :**

**LAMPIRAN 11**

| | | |
|---|---|---|
| JLSM<br>ISO 9001 | Jabatan Laut Semenanjung Malaysia<br>Bahagian Keselamatan Pelayaran | BORANG BKP/ISO/05 |
| | Penyata Laporan Kerja Rumah Api | |

**A. BUTIRAN AM**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Tarikh :** | | **Tempat :** | |
| **Sifat lampu :** | | **Mentol :** | |

**B. BACAAN METER**

| **Bil.** | **Peralatan** | **Bacaan** |
|---|---|---|
| 1. | Voltan beban | volt |
| 2 | Arus beban | volt |
| 3 | Arus Pemicu (*driver*) | Amp. |
| 4 | Voltan photovolta (kediaman)<br>(lampu pandu) | i. volt<br>ii. volt |
| 5 | Arus pengecas | i. amp.<br>ii. amp |
| 6 | Voltan janakuasa | volt |
| 7 | Ulangan bekalan | Hz |
| 8 | Arus pengecas (kediaman)<br>(lampu pandu) | Amp<br>amp |
| 9. | Voltan bateri penghidup | volt |
| 10 | Tahap minyak diesel | |
| 11 | Jangkamasa perjalanan injin | jam |

**BACAAN VOLTAN BATERI**

| a) Bateri Kediaman | | b) Bateri Lampu Pandu | |
|---|---|---|---|
| 1. | volt | 1. | volt |
| 2. | volt | 2. | volt |
| 3. | volt | 3. | volt |
| 4. | volt | 4. | volt |
| 5. | volt | 5. | volt |
| 6. | volt | 6. | volt |
| 7. | volt | 7. | volt |
| 8. | volt | 8. | volt |
| 9. | volt | 9. | volt |
| 10. | volt | 10. | volt |
| 11. | volt | 11. | volt |
| 12. | volt | 12. | volt |
| Jumlah : | volt | Jumlah : | volt |

**ULASAN**

________________________________________

________________________________________

____________________

Nama & Cop Jawatan Pegawai Pelaksana